

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

**TARIKH** : **2 - 3 September 2020**  
**TEMPAT** : **Bilik Mesyuarat Gunasama**  
                 **Tingkat 4, Menara Persekutuan Melaka**  
                 **Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya**  
                 **75450 Ayer Keroh, Melaka**  
**MASA** : **8.30 pagi – 12.30 tengah hari**

**AGENDA:**

1. Kata-kata aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Pembentangan Laporan Status Aktiviti ECKM (April - Ogos 2020)
5. Pembentangan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu JKR Malaysia (Jan - Jun 2020)
6. Pembentangan Program Pembudayaan Ilmu JKR Cawangan Arkitek 2020
7. Pembentangan Program Pembudayaan Ilmu JKR Negeri Kelantan 2020
8. Pembentangan Program Literasi Maklumat Digital
9. Hal – hal lain

**KEHADIRAN:**

**A. IBU PEJABAT**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Pejabat</b>
1.	Sr. Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimeh ( <i>Pengerusi</i> )	CPAB
2.	Ir. Fuziah Binti Abd Rahim	CKG
3.	Sr. Anita Binti Ibrahim	CKS
4.	Pn. Faizah Binti Ibrahim	CASKT
5.	Pn. Wan Faridah Binti Wan Mustaffa	CKAS
6.	Pn. Rosmila Binti Osman	CKIP
7.	En. Abdul Aziz Bin Wahab	CPAB
8.	En. Mohd Fadzli Bin Abdul Syukor	CKK
9.	Pn. Noor Zalaliesuzane Binti Othman	CA
10.	Ir. Ts. Zety Afrizan Binti Mohamad Zaman	CSFJ
11.	Pn. Syariza Binti Mohamad Azidin	CREaTE

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR  
BIL. 2/2020**

---

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Pejabat</b>
12.	En. Effendi Bin Mohd Sood	CDPK
13.	En. Razman Bin Abd Rani	CDPK
14.	En. Gregory George Kinsim	CSFB
15.	Sr. Marzura Binti Marzuki	CKBA 2
16.	Pn. Hilmilia Binti Selamat	CKP
17.	En. Muhammad Izzat Bin Ishak	CKE
18.	Pn. Wan Fatin Athirah Binti Romlee	CKM
19.	En. Mohd Mizan Bin Anang @ Talib	CKUB
20.	Pn. Hawa Liza Binti Zahari ( <i>Urusetia</i> )	CPAB
21.	En. Mohammad Syahmi Bin Abdullah ( <i>Urusetia</i> )	CPAB
22.	Pn. Safira Aiza binti Ahmad ( <i>Urusetia</i> )	CPAB

**B. JKR NEGERI**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Pejabat</b>
1.	Ir. Hj. Nik Soh Bin Yaacoub	JKR Kelantan
2.	Ir. Manimaran A/L Raman	JKR Kedah
3.	Pn. Roslinda Binti Ghazali	JKR Pulau Pinang
4.	Ir. Yulinar Binti Ismail	JKR Selangor
5.	En. Mohamad Bin Jusoh	JKR Pahang
6.	En. Ahmad Fariz Bin Sapian	JKR Perak
7.	Pn. Nur Fairuzzah Binti Md Marham	JKR WP Kuala Lumpur
8.	Pn. Kueh Hiong Mui	JKR Melaka
9.	Ir. Sufiyan Safwan Bin Abdul Hamid	JKR Johor
10.	En. Mohamad Lukman Hakim Bin Mustapa	JKR KESEDAR
11.	En. Mohd Shafiq Hakimie Bin Sabtu	JKR WP Putrajaya
12.	En. Mohd Zuhairi Bin Mohd Zain	JKR Perlis
13.	En. Muhammad Samri Bin Hamzah	JKR Terengganu
14.	En. Hairul Azme Bin Sukor	JKR WP Labuan

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

**MINIT MESYUARAT**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
<b>1.0</b>	<b><u>UCAPAN PENGERUSI</u></b>	
1.1	YBrs. Sr. Dr. Khairil Hizar Bin Md. Khuzaimah selaku Pengerusi mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua Knowledge Manager yang dapat hadir sama ke Mesyuarat JKPPPI Bil. 2/2020 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Gunasama, Tingkat 4, Menara Persekutuan Melaka.	Makluman
1.2	Tuan Pengerusi turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En Abu Hanifah Bin Misdar, Knowledge Manager Cawangan Kerja Bangunan Am 1 atas segala khidmat bakti, sumbangsan dan komitmen yang telah diberikan oleh beliau sepanjang menjalankan tugas sebagai Knowledge Manager dalam memperkasa amalan pembudayaan ilmu di CKBA 1 dan JKR Malaysia amnya.	Makluman
1.3	Tuan Pengerusi memaklumkan, fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Ogos 2020 yang lepas.	Makluman
1.4	Sehubungan itu, Tuan Pengerusi memohon kerjasama semua ahli mesyuarat agar sama-sama dapat mematuhi SOP dan protokol kesihatan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kes penularan pandemik COVID-19.	Makluman
1.5	Tuan Pengerusi menekankan mengenai peranan penting yang dimainkan oleh Knowledge Manager sebagai agen perubahan dalam mendepani fasa “the new normal” ke arah membantu warga kerja Jabatan bagi menyesuaikan diri dengan pelbagai pembaharuan dan perubahan terutamanya yang melibatkan aspek perkongsian dan pengurusan pengetahuan.	Makluman
1.6	Mesyuarat dimaklumkan terdapat tiga (3) aktiviti ECKM yang telah dijalankan selepas Mesyuarat JKPPPI Bil. 1/2020 yang lepas iaitu :	Makluman
	i. Bengkel Pemantapan Portal JPedia dan JCoP Bil. 3/2020 yang berlangsung di CREaTE Melaka pada 6 Ogos 2020 dan telah dihadiri seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada Cawangan dan Negeri;	

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Bengkel Penyediaan <i>Project Lessons Learned</i> JKR Negeri Perak yang telah diadakan pada 12 dan 13 Ogos 2020 di JKR Negeri Perak; dan</li> <li>iii. Bengkel Penyediaan <i>Project Lessons Learned</i> Cawangan Kejuruteraan Geoteknik pada 24 dan 25 Ogos 2020 di Menara PJD.</li> </ul>	
1.7	Tuan Penggerusi menyampaikan ucapan tahniah kepada En. Mohd Fadzli Bin Abdul Syukor, Knowledge Manager, Cawangan Kerja Kesihatan dan pasukan KM CKK atas inisiatif penganjuran Bengkel Pembudayaan Ilmu - Knowledge Cafe pada 14 Julai 2020 di Menara Kerja Raya yang telah dihadiri seramai 30 orang peserta serta Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, Ar. Azman Bin Md. Hashim.	Makluman
1.8	<p>Mesyuarat diingatkan agar sentiasa memantau dan melaksanakan tindakan berkaitan bagi memastikan tahap pematuhan inisiatif Pelan Strategik JKR Malaysia yang berkaitan dengan program Pengurusan Pengetahuan termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bilangan aktiviti pembudayaan ilmu yang dilaksanakan</li> <li>ii. Bilangan soalan yang diajukan dalam Portal JCoP</li> <li>iii. Bilangan dokumen yang dimuat naik dan dikongsi dalam Portal JPedia</li> </ul> <p>dapat mencapai sasaran keseluruhan yang telah ditetapkan.</p>	Makluman
1.9	Tuan Penggerusi juga mengharapkan agar semua Knowledge Manager akan terus memberi sokongan dan komitmen yang tinggi kepada program dan aktiviti pengurusan pengetahuan di pejabat dan JKR Malaysia secara amnya.	Makluman
<b>2.0</b>	<b><u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LEPAS</u></b>	
2.1	<p>Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pembudayaan Ilmu JKR Bil. 1/2020 dengan beberapa pindaan seperti di berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembetulan salutasi tanpa Ar. di atas nama Pn. Roslinda Binti Ghazali dari JKR Pulau Pinang di senarai kehadiran; dan</li> <li>ii. Pembetulan nama Pn. Noor Zalaliesuzane Binti Othman dari Cawangan Arkitek di senarai kehadiran.</li> </ul>	Makluman

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
<b>3.0</b>	<p><b><u>MAKLUMAN STATUS TINDAKAN BERBANGKIT</u></b></p> <p><b>Laporan Status CoP dan JPedia</b></p> <p>3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit ECKM telah mengambil beberapa tindakan di bawah dalam memantapkan Portal JCoP dan JPedia di mana :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua domain CoP yang berkaitan telah dimohon untuk mengemaskini senarai pakar bidang khusus/pakar rujuk jabatan dan moderator bagi laman JCoP Cafe's Moderators;</li> <li>ii. Soalan Portal JCoP yang masih belum dijawab telah dimajukan kepada pakar bidang khusus/pakar rujuk jabatan dan moderator yang berkaitan melalui emel/Whatsapp</li> <li>iii. Menganjurkan/menghadiri program berkaitan pembudayaan ilmu bagi mempromosikan inisiatif ECKM JKR Malaysia termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bengkel Pemantapan Portal JPedia dan JCoP Bil. 3/2020 pada 6 Ogos 2020 di CREaTE; dan</li> <li>b) Program Knowledge Cafe Cawangan Kerja Kesihatan pada 14 Julai 2020 di Menara Kerja Raya.</li> </ul> </li> </ul>	Makluman
<b>4.0</b>	<p><b><u>PEMBENTANGAN STATUS LAPORAN AKTIVITI ECKM 2020 (APRIL-JULAI 2020)</u></b></p> <p>4.1 Sr. Dr. Khairil Hizar Bin Md. Khuzaimah telah membentangkan status pelaksanaan Aktiviti ECKM yang dijalankan dari 1 April 2020 hingga 31 Ogos 2020 serta perancangan aktiviti ECKM dari bulan September 2020 sehingga Oktober 2020.</p> <p>4.2 Maklumat lanjut mengenai Aktiviti ECKM 2020 boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di <a href="https://bit.ly/3ksNOFM">https://bit.ly/3ksNOFM</a></p>	Makluman  Makluman
<b>5.0</b>	<p><b><u>PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI PEMBUDAYAAN ILMU JKR MALAYSIA (JAN - JUN 2020)</u></b></p> <p>5.1 En. Mohammad Syahmi Bin Abdullah telah membentangkan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu JKR Malaysia yang melibatkan Cawangan/Negeri bermula dari bulan Januari hingga bulan Jun 2020.</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5.2	Tuan Pengurus menggesa agar pejabat yang masih belum mengemukakan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu dari bulan Januari hingga bulan Jun 2020 agar dapat berbuat demikian dalam masa terdekat.	JKR Cawangan / Negeri
5.3	Senarai lengkap Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu JKR boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di <a href="https://bit.ly/2REnrQS">https://bit.ly/2REnrQS</a>	Makluman
5.4	Ir. Fuziah Binti Abd Rahim, Knowledge Manager dari Cawangan Kejuruteraan Geoteknik memaklumkan aktiviti Pembudayaan Ilmu dibuat pada setiap hari Jumaat merangkumi perkongsian ilmu samada dari segi teknikal atau bukan teknikal kepada semua warga CKG.	Makluman
5.5	Pn. Roslinda Binti Ghazali, Knowledge Manager dari JKR Pulau Pinang memaklumkan aktiviti Pembudayaan Ilmu telah dijalankan seperti biasa di JKR Pulau Pinang. Namun, selepas Perintah Kawalan Pergerakan Pematuhan (PKPP), pelaksanaan aktiviti ini telah diteliti dan disusun semula memandangkan terdapat kekangan masa yang dihadapi pegawai yang perlu memberi tumpuan kepada tugas hakiki. Walaubagaimanapun, pihak JKT Pulau Pinang akan memastikan agar pelaksanaan program ini tetap diteruskan dari masa ke masa.	Makluman
5.6	Pn. Syariza Binti Mohamad Azidin, Knowledge Manager dari CREaTE Melaka turut berkongsi makluman di mana aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan sepanjang tempoh PKP kepada seluruh warga JKR adalah secara <i>webinar</i> dan perkongsian secara emel.	Makluman
6.0	<p><b><u>PEMBENTANGAN LAPORAN PEMBUDAYAAN ILMU</u></b></p> <p><b>a) Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR Cawangan Arkitek</b></p>	
6.1	Pn. Noor Zalaliesuzane Binti Othman, Knowledge Manager JKR Cawangan Arkitek telah membentangkan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di Cawangan Arkitek.	Makluman

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
6.2	<p>Senarai lengkap Aktiviti Pembudayaan Ilmu Cawangan Arkitek boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di <a href="https://bit.ly/3mxE1ju">https://bit.ly/3mxE1ju</a></p> <p><b>b) Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR Negeri Kelantan</b></p>	Makluman
6.3	Ir. Hj. Nik Soh Bin Yaacoub, Knowledge Manager JKR Negeri Kelantan telah membentangkan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di JKR Negeri Kelantan.	Makluman
6.4	Senarai lengkap Aktiviti Pembudayaan Ilmu JKR Negeri Kelantan boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di <a href="https://bit.ly/2RI2oCA">https://bit.ly/2RI2oCA</a>	Makluman
7.0	<b><u>PEMBENTANGAN PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DIGITAL</u></b>	
7.1	En. Razman Bin Abd Rani, Knowledge Manager dan Pustakawan JKR telah membentangkan Program Literasi Maklumat Digital yang bertujuan memberi pendedahan kepada warga JKR terhadap perkhidmatan perpustakaan secara digital seperti perkhidmatan pinjaman, pemulangan dan tempahan buku secara dalam talian serta pinjaman dan pembacaan secara digital dalam talian dan muat turun.	Makluman
7.2	En. Razman Bin Abd Rani seterusnya memaklumkan sekiranya terdapat Cawangan/Negeri yang berminat untuk menganjurkan program ini boleh menghubungi beliau bagi memberi taklimat terperinci dan <i>hands on</i> penggunaan perkhidmatan ini.	Makluman
7.3	Maklumat lanjut mengenai Program Literasi Maklumat Digital boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di <a href="https://bit.ly/3iuZjvx">https://bit.ly/3iuZjvx</a>	Makluman
8.0	<b><u>HAL-HAL LAIN</u></b>	
8.1	Ir. Haji Nik Soh Bin Yaacoub, Knowledge Manager, JKR Negeri Kelantan mencadangkan Unit ECKM untuk membuat Roadshow di setiap negeri untuk memberi pendedahan kepada semua warga JKR mengenai Inisiatif pembudayaan ilmu yang terdapat di JKR.	Unit ECKM

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
8.2	En. Ahmad Fariz Bin Sapien, Knowledge Manager dari JKR Negeri Perak mencadangkan agar pihak CREaTE dapat menyediakan kursus secara secara atas talian dengan lebih kerap bagi memudahkan peserta-peserta terutamanya dari JKR Negeri/Wilayah Persekutuan dapat menyertai kursus-kursus yang disediakan. Ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos dan dapat menarik lebih ramai kakitangan di pejabat yang terlibat untuk hadir kursus atas talian ini.	CREaTE
8.3	Tuan Pengurus memaklumkan sehingga kini, JKR Malaysia telah membangunkan 10 bahan kursus EPSA yang telah ditauliah dan dimuatnaik ke Portal EPSA. Bagi mempelbagaikan lagi bahan kursus EPSA dari JKR Malaysia, Tuan Pengurus mencadangkan Knowledge Manager untuk mengenalpasti dan mengemukakan tajuk bahan kursus EPSA yang berkaitan kepada Unit ECKM.	Knowledge Manager
8.4	En. Mohd Fadzli Bin Abdul Syukor, Knowledge Manager dari Cawangan Kerja Kesihatan mencadangkan di dalam aktiviti Pembudayaan Ilmu untuk membangunkan sesuatu yang lebih menjurus ke arah mengkaji kelemahan untuk ditambahbaik dan diketengahkan dengan lebih komprehensif. Sebagai contoh dengan memasukkan penemuan-penemuan audit ke dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) seterusnya membaiki garis panduan sediada untuk diputuskan agar isu-isu audit yang sama tidak berulang setiap tahun.	Unit ECKM
9.0	<b><u>PENUTUP</u></b>	
9.1	Tuan Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga atas semua maklumbalas yang telah diberikan.	Makluman
9.2	Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	Makluman

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR**  
**BIL. 2/2020**

---

Disediakan Oleh:

-tt-

**EN. MOHAMMAD SYAHMI BIN ABDULLAH**  
Jurutera Elektrik  
Unit ECKM  
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu  
Ibu Pejabat JKR Malaysia

Disemak Oleh:

-tt-

**PN. HAWA LIZA BINTI ZAHARI**  
Jurutera Awam Kanan  
Unit ECKM  
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu  
Ibu Pejabat JKR Malaysia

Disahkan Oleh:

-tt-

**Sr. Dr. KHAIRIL HIZAR BIN MD KHUZAIMAH**  
Jurukur Bahan Pengguna  
Unit ECKM  
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu  
Ibu Pejabat JKR Malaysia